

附录10

《在获取土地供联邦政府使用和在所获取后的 联邦土地管理方面，联邦土地专员的功能和 使用者部门/局的角色》

马来西亚联邦土地专员2008年3号通令

**Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan,
Peranan Kementerian/Jabatan Pengguna dalam
Perolehan Tanah untuk Kegunaan Kerajaan
Persekutuan dan Pengurusan Tanah-tanah
Persekutuan Selepas Perolehan**

Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bilangan 3 Tahun 2008

(只收纳文件的部分原文)



**PEKELILING
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN
BIL 3/2008**

**FUNGSI PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN,
PERANAN KEMENTERIAN/JABATAN PENGGUNA DALAM
PEROLEHAN TANAH UNTUK KEGUNAAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN TANAH-TANAH
PERSEKUTUAN SELEPAS PEROLEHAN**

**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (PERSEKUTUAN)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**PEKELILING
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN
BIL 3/2008**

Isi Kandungan

<u>Bil</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
i.	Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Peranan Kementerian / Jabatan Pengguna Dalam Perolehan Tanah Untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan Dan Pengurusan Tanah-Tanah Persekutuan Selepas Perolehan	7 - 11
ii.	Lampiran 'A' - Peranan / Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Lampiran 'B' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Mendapat Suatu Hakmilik Di Atas Tanah Kerajaan / Tanah Rizab Persekutuan Lampiran 'C' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Memohon Perizaban Tanah Persekutuan Lampiran 'D' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Memohon Mendapatkan Permit Ruang Udara Lampiran 'E' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Lampiran 'F' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Mendapat Suatu Tanah Milik Di Bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960 Lampiran 'F (6)' - Permohonan Kementerian / Jabatan Pengguna Untuk Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Menggunakan Tanah Milik Secara Sementara Di Bawah (Bahagian VII), Akta Pengambilan Tanah 1960 Lampiran 'G' - Permohonan Pembelian Tanah Oleh Kerajaan Persekutuan Daripada Orang Persendirian / Syarikat / Badan Berkanun Lampiran 'H' - Permohonan Bagi Mendaftarkan Perletakahan Tanah Kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	13 15 43 49 55 63 99 119 139 145 - 261
iii.	Lampiran 'I' - Pengurusan Tanah Persekutuan Selepas Perolehan	145 - 261

**PEKELILING
PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN
BIL 3/2008**

**FUNGSI PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN,
PERANAN KEMENTERIAN / JABATAN PENGGUNA DALAM
PEROLEHAN TANAH UNTUK KEGUNAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
DAN PENGURUSAN TANAH-TANAH PERSEKUTUAN
SELEPAS PEROLEHAN**

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai:

- 1.1 fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP);
- 1.2 peranan Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) dalam perolehan tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan; dan
- 1.3 pengurusan tanah Persekutuan selepas perolehan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Secara umumnya, tanah Persekutuan dinyatakan di bawah **Bab IV Perlembagaan Persekutuan** di dalam dua (2) bentuk iaitu bentuk hakmilik dan rizab. Sementara itu, terdapat juga tanah Kerajaan Negeri yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di bawah **Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan** (tanah di Pulau Pinang dan Melaka).
- 2.2 Bagi tanah rizab, terdapat dua (2) bentuk pengiktirafan yang diperuntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu

tanah rizab yang diwartakan di bawah **Perkara 85 (i), (ii) dan (iv)** serta tanah rizab yang diiktiraf secara automatik tanpa warta iaitu tanah yang diduduki sebelum dan pada hari Merdeka ianya menjadi kegunaan Kerajaan Persekutuan [**Perkara 85(5) (iii)**].

- 2.3 Cara perolehan tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan tidak dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi perlu mengikuti prosedur yang telah sedia ada di dalam undang-undang tanah berkuatkuasa di negeri-negeri berkenaan seperti Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan peraturan/kaedah yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak-pihak yang berkenaan. Di bawah KTN, 1965 juga ada dinyatakan lain-lain bentuk pemegangan tanah seperti permit, lesen pendudukan sementara, permit ruang udara dan lain-lain di mana ianya juga boleh dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

3. PERANAN/FUNGSI PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN (PTP)

- 3.1 Di dalam setiap perolehan tanah Persekutuan terdapat sekurang-kurangnya dua (2) pihak yang terlibat iaitu Kementerian/Jabatan Pengguna (KJP) dan PTP. Secara amnya KJP berperanan untuk mengenalpasti (termasuk memohon tanah melalui PTP), membangun dan mengawal tanah Kerajaan Persekutuan. Sementara PTP pula berperanan sebagai '**custodian**' kepada tanah-tanah Persekutuan.
- 3.2 PTP diperbadankan di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pemerbadanan) 1957 (Semakan 1988-Akta 349) bagi menjalankan kuasa memiliki dan melupuskan tanah-tanah kepada dan daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh itu,

segala harta tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan adalah terletakhak di atas nama PTP.

- 3.3 Mengikut Akta berkenaan, ***'harta' meliputi semua estet, kepentingan, ismen dan hak, sama ada menurut ekuiti atau undang-undang pada, kepada atau daripada harta dan benda dalam tindakan.***
- 3.4 Peranan/Fungsi PTP adalah seperti di **Lampiran ‘A’**.

4. CARA PEROLEHAN TANAH DAN PERANAN KJP

Secara umumnya terdapat tujuh (7) cara perolehan tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan. Perolehan-perolehan ini melibatkan status tanah yang berbeza seperti berikut:

- 4.1 Perolehan ke atas tanah Kerajaan Negeri dibuat melalui:
 - (a) permohonan pemberimilikan – sila rujuk **Lampiran ‘B’**;
 - (b) permohonan perizapan – sila rujuk **Lampiran ‘C’**;
 - (c) permohonan permit ruang udara – sila rujuk **Lampiran ‘D’**; dan
 - (d) permohonan lesen pendudukan sementara – sila rujuk **Lampiran ‘E’**.

4.2 Perolehan ke atas tanah milik untuk dibuat melalui:

- (a) permohonan pengambilan tanah atau penggunaan tanah secara sementara di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960 - sila rujuk **Lampiran ‘F’**;
- (b) pembelian tanah milik melalui **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11/2007 (SPP 11/2007)** - sila rujuk **Lampiran ‘G’**; dan
- (c) perletakhakan tanah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan melalui undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen - sila rujuk **Lampiran ‘H’**.


5. PENGURUSAN TANAH PERSEKUTUAN SELEPAS PEROLEHAN

- 5.1 Tanah-tanah yang telah diperolehi perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan supaya penggunaannya dapat dioptimumkan. Kaedah pengurusan ini dinyatakan seperti di **Lampiran ‘I’**.
- 5.2 Semua perolehan tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan dengan mengguna peruntukan/pembiayaan sama ada melalui geran atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah didaftar atas nama PTP.

- 5.3 Pegawai-pegawai KJP digalakkan untuk menghadiri kursus-kursus tanah yang dianjurkan oleh Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dari semasa ke semasa.

6. KUATKUASA PEKELILING

- 6.1 Pekeliling PTP Bil 2/2003 adalah **dibatalkan**
- 6.2 Pekeliling ini hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia sahaja **kecuali** bagi urusan pembelian di bawah SPP 11/2007 ~~dan perletakkan tanah~~, yang akan berkuatkuasa di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, Labuan.
- 6.3 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.



[DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF]
Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

Tarikh : 25 Jun 2008

Ruj : JKPTG/101/UTP/799-6
JKPTG/101/KPU/799-5 (6)

PERANAN / FUNGSI PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN

1. Mengurus perolehan tanah-tanah untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan (termasuk perletakhakan tanah kepada PTP).
2. Mengurus penyimpanan, penyelenggaraan dan pengemaskinian rekod-rekod tanah Persekutuan.
3. Mengurus pelupusan tanah Persekutuan melalui penyewaan, pajakan, pindah milik dan lain-lain urusniaga tanah termasuk pelepasan/penyerahan balik tanah.
4. Mengurus pembayaran cukai tanah ke atas semua tanah milik Persekutuan (cukai semasa).
5. Membantu KJP di dalam perancangan guna tanah yang belum dibangunkan melalui pendekatan tukarguna tanah.
6. Membantu KJP di dalam pengurusan pengawalan tanah-tanah Persekutuan.
7. Memberi nasihat teknikal di dalam bidang pengurusan dan perundangan tanah kepada semua KJP dan Kerajaan Persekutuan.

Lampiran 'B'

**PERMOHONAN OLEH KEMENTERIAN / JABATAN PENGGUNA
UNTUK MENDAPAT SUATU HAKMILIK DI ATAS TANAH
KERAJAAN/TANAH RIZAB PERSEKUTUAN**

LANGKAH UTAMA	PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN	RUJUKAN
1. Cadangan Memiliki Tanah	<p><u>Catatan :-</u></p> <p>Tanah-tanah di dalam Kawasan Penempatan Beramai-ramai (Group Settlement Area) untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan tidak boleh dipohon milik kecuali dirizabkan sahaja mengikut Seksyen 8, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-Ramai), 1960.</p> <p>(i) KJP</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Pastikan peruntukan mencukupi untuk tujuan bayaran: <ul style="list-style-type: none"> (i) pendaftaran permohonan; (ii) cukai Tanah Tahun Pertama; (iii) premium; (iv) penyediaan dan pendaftaran hakmilik; (v) bayaran Caruman Parit (jika dikenakan) (b) Berunding dengan Pentadbir Tanah Daerah (PTD) mengenai kesesuaian tanah. (c) Membuat lawatan ke atas tapak bersama PTD dan JKPTG Negeri berkenaan bagi menentukan kesesuaian tanah. 	Pekeling KPTG Bil. 17/1976 – Lampiran 'B(1)'
2. Persediaan Membuat Permohonan	<p>(i) KJP</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Perkara-perkara yang perlu diperolehi daripada Pejabat Tanah (PT) ialah: <ul style="list-style-type: none"> (i) Butiran Tanah; 	

LANGKAH UTAMA	PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN	RUJUKAN
	<p>Pelan tanah berkenaan yang mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • keluasan tanah; • nombor P.T/nombor lot (jika ada) termasuk juga tanah-tanah yang bersepadan; • nama Mukim, Seksyen/Bandar, Daerah dan Negeri; dan • sempadan kawasan tanah yang dipohon perlu diwarnakan merah. <p>(ii) Borang permohonan tanah mengikut Kaedah Tanah Negeri (Jadual 1); dan</p> <p>(iii) Lain-lain maklumat diperlukan (jika ada)</p> <p>(b) Pengesahan status tanah daripada JKPTG Negeri.</p> <p>(c) Bayaran fee permohonan tanah (wang pos/cek) atas nama Pentadbir Tanah berkaitan. Bagi Selangor atas nama ‘Bendahari Negeri Selangor’.</p> <p>Catatan: Sekiranya KJP ingin memasuki tapak lebih awal maka KJP perlulah mengemukakan permohonan kepada Pentadbir Tanah melalui JKPTG selepas permohonan pemberimanilikan dibuat dan fee dijelaskan.</p>	} } Pekeling PT } } Bil 1/2007 }- Lampiran ‘B (2) }
3. KJP Membuat Permohonan	<p>(i) KJP</p> <p>KJP perlu mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bersama-sama perkara berikut:</p> <p>(a) lapan (8) salinan borang Jadual 1;</p>	Kaedah Tanah Negeri

LANGKAH UTAMA	PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN	RUJUKAN
	<p>(b) lapan (8) salinan pelan yang lengkap bagi semua negeri kecuali 45 salinan bagi Negeri Melaka;</p> <p>(c) cek/wang pos untuk fee pendaftaran;</p> <p>(d) borang pengesahan daripada JKPTG Negeri;</p> <p>(e) Borang 'K' (jika tanah dibuat pengambilan); dan</p> <p>(f) Lain-lain maklumat yang diperlukan (jika ada)</p>	
<p>4. Menerima Permohonan</p> <p>(i) PTP [Seksyen Harta Tanah Persekutuan (SHTP)]</p>	<p>(a) Menerima, menyemak dan buat charting syit-litho/map-info.</p> <p>(b) Menandatangani pelan dan borang permohonan.</p> <p>(c) Menyediakan surat iringan.</p> <p>(d) Mengemukakan dua (2) salinan permohonan kepada Pentadbir Tanah.</p> <p>(e) Dua (2) salinan permohonan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri berkaitan.</p> <p>(f) Sesalinan kepada KJP, agensi, JKPTG Negeri dan simpanan dalam fail permohonan.</p>	
<p>5. Memproses/ Memantau Permohonan</p> <p>(i) Pentadbir Tanah (PT)</p> <p>(ii) JKPTG Negeri</p>	<p>Memproses permohonan untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui Pengarah Tanah dan Galian.</p> <p>Pemantauan permohonan tanah akan dibuat oleh JKPTG Negeri.</p>	

LANGKAH UTAMA	PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN	RUJUKAN
<p>6. Penerimaan Keputusan</p> <p>(i) PTP (SHTP)</p> <p>(ii) KJP</p>	<p>Tindakan selepas mendapatkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri:</p> <p>(a) Sekiranya ditolak, PTP akan memaklumkan kepada KJP, jika ada rayuan, KJP perlu kemukakan permohonan semula; atau</p> <p>(b) Sekiranya diluluskan :</p> <p>(i) PTP semak kadar premium supaya:</p> <p>(a) Mematuhi Kadar MTN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga pasaran (Projek yang memberi faedah langsung kepada Kerajaan Persekutuan); • 1/2 harga pasaran (projek yang memberi faedah kepada Negeri dan Persekutuan); dan • 1/4 harga pasaran (projek yang memberi faedah kepada Negeri); <p>(b) dikenakan premium nominal RM1,000.00 (untuk projek sekolah);</p> <p>(c) dikenakan premium nominal (untuk projek tapak komersial Lebuhraya);</p> <p>(d) Jika diluluskan mengikut MTN, PTP akan mengemukakan kepada KJP untuk menjelaskan bayaran;</p> <p>(e) KJP hendaklah menjelaskan bayaran tuntutan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh menerima Notis 5A KTN. Bayaran hendaklah dijelaskan terus kepada PT dan salinan kepada JKPTG. Bayaran boleh dibuat melalui cek/EFT; dan</p>	<p>Keputusan MTN Ke-49 bertarikh 7 April 1994 – Lampiran ‘B3’</p> <p>Pekeling KPTG 1/1997 – Lampiran ‘B(4)’</p> <p>Cabutan Keputusan MTN Ke-52 – Lampiran ‘B5’</p> <p>Kaedah Tanah Negeri</p>

LANGKAH UTAMA	PERKARA-PERKARA UNTUK DIAMBIL PERHATIAN	RUJUKAN
	<p>(f) Walau bagaimanapun , jika KJP tidak mempunyai peruntukan untuk menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan, KJP bolehlah memohon perlanjutan tempoh bayaran Notis 5A sehingga 6 bulan lagi atau bagi tempoh lain yang diluluskan oleh PBN melalui PTP kepada PT.</p> <p>Catatan:</p> <p><i>Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007, bayaran hendaklah dijelaskan dalam masa empat belas (14) hari. Rujuk <u>Lampiran ‘B (6)’</u>.</i></p>	
7. Tindakan Selepas Bayaran (i) PTD/Pendaftar Hakmilik	PTD/Pendaftar Hakmilik mendaftar dokumen hakmilik dan kemukakan Notis 5F Kanun Tanah Negara (KTN) kepada PTP.	
8. Penerimaan Hakmilik (i) PTP	<p>(a) PTP menerima dokumen hakmilik melalui JKPTG Negeri daripada PTD/Pendaftar Hakmilik.</p> <p>b) Satu salinan hakmilik tersebut akan dihantar kepada KJP yang berkenaan untuk rekod.</p> <p>Catatan:</p> <p><i>KJP hendaklah mengemukakan satu (1) salinan Hakmilik kepada Agensi di peringkat Negeri dan Daerah untuk pembangunan dan pengawalan.</i></p> <p><u>Carta Aliran seperti di Lampiran ‘B (7)’.</u></p>	

LAMPIRAN 'A'

PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 24/1980

Melepaskan Tanah Yang Dipegang Di Bawah Hakmilik Atau Yang Dirizabkan Untuk Kegunaan Persekutuan Dan Memberi Pajakan Atau Penyewaan

Tujuan

Pekeling ini adalah mengandungi peraturan-peraturan mengenai pelepasan tanah yang dipegang di bawah hakmilik atau yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan dan juga mengenai peraturan-peraturan pemberian penyewaan atau pajakan bagi tanah-tanah itu. Pekeling ini akan menggantikan peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling yang telah dikeluarkan mengenai perkara yang sama.

Jenis-jenis tanah Persekutuan

2. Tanah-tanah yang dipegang di bawah hak milik atau yang digunakan untuk Persekutuan adalah terdiri dari salah satu jenis-jenis yang berikut:

- 2.1 Tanah-tanah yang terletak hak kepada Kerajaan Persekutuan menurut Perkara 166(1) dan 166(5) Perlembagaan Persekutuan (biasanya hakmilik-hak milik yang berdaftar di atas nama Chief Secretary);
- 2.2 Tanah-tanah yang diletakkan hak kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang iaitu di bawah seksyen 7(1) dan 7(2) Federal Lands Commissioner Ordinance, 1967;
- 2.3 Tanah-tanah yang ada hakmilik di atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan;
- 2.4 Tanah-tanah di Negeri-negeri Pulau Pinang dan Melaka yang diduduki i, digunakan, dikawal dan diuruskan untuk kegunaan Persekutuan di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan;
- 2.5 Tanah-tanah yang diisyiharkan di dalam Warta Kerajaan sebagai rizab untuk kegunaan Persekutuan menurut undang-undang tanah;
- 2.6 Tanah-tanah yang dianggapkan sebagai rizab untuk kegunaan Persekutuan di bawah Perkara 166(4) Perlembagaan Persekutuan;
- 2.7 Tanah-tanah yang dipajak atau disewa oleh Kerajaan Persekutuan.

Tanah-tanah yang didaftarkan di atas nama Chief Secretary yang dinyatakan di 2.1 di atas adalah terletak haknya kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah seksyen 7(1) Federal Lands Commissioner Ordinance, 1957.

Kuasa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

3. Seksyen 4 Federal Lands Commissioner Ordinance, 1957 memperuntukkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan mempunyai kuasa:
 - 3.1 Untuk memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih atau harta tak alih;
 - 3.2 Untuk memindahhak, menyerahhak, memulang, menggadai, menggadai janji, mendemais, menyerahhak semula, memindahmiliki atau dengan secara lain melepaskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hal padanya.

Ia menjalankan kuasa-kuasa sebagai tuanpunya bagi tanah Persekutuan yang dipegang di bawah hakmilik. Tanah-tanah yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan yang dirujukkan di 2.4, 2.5 dan 2.6 di atas tidaklah terletak hak kepadanya tetapi tanah itu adalah juga tanggungjawabnya sebab ianya adalah harta Persekutuan.

Melepas tanah Persekutuan yang dipegang di bawah hakmilik

4. Melepaskan (memindahmiliki atau mengembalikan kepada Kerajaan Negeri sesuatu tanah Pers ekutuan yang dipegang di bawah hakmilik hendaklah dilaksanakan mengikut Perkara 84 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 84(1) memperuntukkan bahawa tanah-tanah yang tidak lagi dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dikembalikan kepada Kerajaan Negeri jika Kerajaan Negeri bersetuju membayar sejumlah wang seperti yang dinyata di Fasal (1)(a) atau (b) dalam Perkara tersebut.

5. Peraturan berikut hendaklah dipatuhi dan tindakan yang sesuai diambil oleh Ketua Jabatan atau Ketua Setiausaha Kementerian apabila semua atau sebahagian daripada tanah Persekutuan yang dipegang di bawah hakmilik tidak lagi dikehendaki oleh Kerajaan Persekutuan:

- 5.1 Ketua Jabatan berkenaan memberitahu Kementeriannya bahawa semua atau sebahagian tanah itu tidak lagi dikehendaki untuk kegunaan Jabatannya dan Kementerian memberitahu Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam sewajarnya. (Ketua Jabatan bermakna pegawai yang ditetapkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab bagi menguruskan tanah atau bangunan itu. Bagi bangunan sekolah, Pengarah Pelajaran biasanya adalah pegawai yang bertanggungjawab dan oleh itu menjadi Ketua Jabatan untuk tujuan ini);
- 5.2 Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberitahu lain-lain Kementerian mengenai adanya tanah Kerajaan Persekutuan untuk kegunaan yang berlainan daripada kegunaan sekarang (jika tiada sekatan tentang kegunaannya);
- 5.3 Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberitahu Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan mengenai hasil penyiasatannya.

6. Dalam melepaskan tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah bertanggungjawab untuk memperolehi kelulusan Kementerian Kembangan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga bertanggungjawab untuk berhubung dengan Kerajaan Negeri sama ada:

- 6.1 tanah itu akan digunakan untuk kegunaan Persekutuan yang lain; atau
- 6.2 tanah itu akan dikembalikan kepada Kerajaan Negeri setelah selesai pembayaran wang seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di atas.

Jika tanah itu akan digunakan bagi kegunaan Persekutuan yang lain yang akan diletak hak kepada pihak berk uasa awam atau seseorang di bawah Perkara 86 Perlembagaan, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan mengemukakan satu permohonan di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara supaya dikenakan syarat nyata yang berikut:

“Tanah yang diberi milik ini hendaklah digunakan hanya untuk.....”

(Ini adalah untuk mernatihi Perkara 86(2) Perlembagaan Persekutuan). Selepas tindakan tersebut Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan memindahkan milik tanah itu kepada pihak berkuasa awam atau orang yang dimaksudkan itu. Jika tanah itu tidak diletakkan kepada pihak berkuasa awam untuk kegunaan Persekutuan, dan Kerajaan Negeri tidak menerima tawaran pengambilan tanah itu kepadanya maka Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan mengemukakan satu permohonan di bawah seksyen 124 Kanun Tanah Negara supaya dikenakan syarat nyata yang sesuai untuk membolehkan orang yang akan membeli tanah itu menggunakanannya untuk tujuan tertentu.

Memajak atau menyewa tanah Persekutuan yang dipegang di bawah Hakmilik

7. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan adalah berkuasa memberi pajakan atau sejaan bagi semua tanah Persekutuan atau harta Persekutuan itu atau sebahagian daripadanya menurut Perkara 84 dan Perkara 86 Perlembagaan Persekutuan. Pajakan atau sejaan adalah diberi masing-masing di bawah seksyen 221 atau 223 Kanun Tanah Negara. Sebuah bangunan di atas tanah milik Persekutuan adalah dianggap sebagai sebahagian daripada tanah itu. Dalam pemberian pajakan atau sejaan mengenai semua atau sebahagian tanah atau bangunan Persekutuan. Ketua Jabatan dengan kelulusan Kementerian yang berkenaan hendaklah memberitahu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan cadangannya. Satu salinan surat itu hendaklah diedarkan kepada Kementerian yang berkenaan. Tindakan-tindakan berikut akan diambil oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan:

- 7.1 mendapatkan nasihat Peguam Negara;
- 7.2 membuat hubungan dengan Ketua Jabatan untuk menyediakan notis memanggil tawaran-tawaran;
- 7.3 membuat hubungan dengan Pemungut Hasil Tanah mengenai pengeluaran notis-notis tawaran.

Pemungut Hasil Tanah akan menerima bayaran daripada orang yang berjaya mendapatkan tawaran bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan akan memberitahu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan mengenai butir-butir hasil yang dipungut. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan seterusnya akan menandatangani pajakan atau perjanjian sejaan mengenai tanah atau harta itu. Satu salinan pajakan atau perjanjian sejaan akan disampaikan kepada Ketua Jabatan dan Kementerian untuk simpanan mereka.

Melepas tanah persekutuan yang diduduki secara perizapan

8. Semua atau sebahagian tanah yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan yang tidak lagi dikehendaki untuk tujuan itu bolehlah dibatalkan rizabnya menurut Perkara 85 Perlembagaan Persekutuan. Jika wang Persekutuan telah digunakan bagi memperolehi tanah itu atau jika tanah rizab itu mengandungi bangunan atau lain-lain kemajuan yang dibuat dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan maka peraturan-peraturan yang berikut hendaklah dipatuhi:

- 8.1 Ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah memberitahu Kementeriannya bahawa serupa atau sebahagian tanah yang dirizabkan untuk jabatannya itu tidak lagi dikehendaki untuk kegunaannya dan Kementerian akan memberitahu Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sewajarnya. (Butir-butir rizab itu atau sebahagian daripada rizab yang akan dibatalkan itu hendaklah disertakan).
- 8.2 Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberitahu Kementerian-kementerian lain mengenai adanya tanah rizab Persekutuan untuk kegunaan yang lain-lain;
- 8.3 Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam akan memberitahu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan mengenai hasil penyiasatannya.

9. Selepas sahaja Pesuruhjaya Tanah Persekutuan memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ia akan mengemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk merizabkan tanah itu bagi kegunaan Persekutuan yang lain atau akan menawarkan pelepasan semua atau sebahagian dari tanah rizab itu kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan pembayaran harga kernaian yang terdapat di atas tanah itu dan perbelanjaan memperolehnya. Seliranya Pihak Berkuasa Negeri tidak menerima tawaran itu tindakan akan diambil untuk mendapatkan hakmilik bagi tanah itu untuk dijual melalui tawaran atau lelong.

Kelulusan meroboh bangunan-bangunan persekutuan

10. Oleh kerana harta Persekutuan terletak hak kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan rekod-rekod tanah yang diberi milik atau yang dirizabkan untuk kegunaan Persekutuan serta harta-harta Persekutuan yang lain adalah diuruskan olehnya, maka adalah wajar beliau juga diberi tanggungjawab untuk memperolehi keputusan melepas atau merobohkan bangunan-bangunan Persekutuan yang telah didirikan di atas tanah-tanah tersebut. Kelulusan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan persetujuan Menteri Kewangan perlu diperolehi sebelum kebenaran dapat diberi untuk meruntuhkan bangunan itu. Kebenaran untuk melepas atau meruntuhkan sesuatu bangunan Persekutuan hendaklah diperolehi dengan menggunakan borang di Lampiran A, di mana Pengarah Kerjaraya Negeri akan melaporkan perkara itu kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam melalui Ketua Pengarah Kerjaraya.

Pernakaian Pekeliling ini

11. Pekeliling ini tidak terpakai di negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan bagi tanah-tanah yang diberi milik atau dirizabkan untuk kegunaan-kegunaan Keretapi Tanah Melayu sehingga arahan-arahan selanjutnya dikeluarkan. **Pembatalan Pekeliling Dahulu**

12. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 17/1970 adalah dengan ini dibatalkan.

t.t
NASRUDDIN BIN BAHARI,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 76/69

Kuala Lumpur
20hb Februari, 1980